

Sistem apungan minyak harian paling sesuai

Kuala Lumpur: Sistem apungan minyak harian diyakini mampu memberi manfaat sepenuhnya kepada pengguna sekiranya harga minyak dunia jatuh.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Fakulti Perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, negara mempunyai sistem untuk melaksanakannya.

“Ini kaedah paling sesuai untuk diguna pakai kerana manfaatnya mampu dirasai serta-merta. Sistem ini merangkumi pembekal, peruncit dan pembeli supaya masing-masing mendapat maklumat harga minyak yang terkini.

“Sistem mingguan hanya akan menyukarkan pengguna stesen minyak untuk mengawal inventori minyak disebabkan perubahan harga setiap minggu manakala sistem bulanan pula menyebabkan sebarang perubahan positif terhadap harga mi-

“

Sistem mingguan hanya akan menyukarkan pengusaha stesen minyak untuk mengawal inventori minyak disebabkan perubahan harga setiap minggu”

Dr Ahmed Razman

nyak tidak dapat dinikmati serta-merta oleh pengguna kenderaan,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Selain itu, Ahmed Razman juga berkata sekiranya harga setong minyak jatuh pada harga AS\$53 setong minyak runcit boleh dijual pada harga RM1.70.

“Justeru, pengguna wajar menikmati harga minyak yang turun,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pen-



tadbiran, Prof Dr Fatimah Kari, berpendapat penggunaan purata bulanan lebih baik kerana ia mengambil kira kapasiti keluaran.

Katanya, faktor seperti scenario kejutan geopolitik yang kritikal justeru keduakan harga semasa dijangka kekal sekurang-kurangnya pada suku pertama tahun ini.

“Dengan mengambil kira purata harga apungan, ia memberi sedikit ruang un-

tuk pelarasan yang agak stabil.

“Ini kerana kerajaan masih komited untuk memberi subsidi kepada bahan bakar dan pasaran minyak dalam negara tidak mempunyai struktur pasaran bebas seperti negara Eropah atau Amerika Syarikat.

“Manakala *free float* akan mewujudkan harga persaingan dan stesen akan lebih bebas untuk meletak harga persaingan ini sekali gus membuatkan pengguna mempunyai pilihan terhadap pembekal atau stesen yang menawarkan harga lebih murah,” katanya.

Sebelum ini, harga runcit petrol RON97, RON95 dan diesel dikekalkan untuk beberapa hari pada RM2.50 seliter bagi RON97, RM2.20 seliter bagi RON95 dan RM2.18 seliter bagi diesel.

Bagaimanapun, orang ramai masih menunggu pengumuman harga atau sistem baharu yang bakal diperkenalkan.